

Peranan NGO Alam Sekitar (ENGO) dalam Isu Deforestasi di Endau-Rompin, 1970-2000

The Role of Environmental NGOs (ENGOs) in Deforestation Issues in Endau-Rompin, 1970-2000

ZAHARAH MUHAMMAD, ARBA'YAH MOHD NOOR*

*Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial,
Universiti Malaya, 50603, Kuala Lumpur, Malaysia*

Corresponding author: arbaiyah@um.edu.my

Received: 10 March 2024 Accepted: 18 August 2024

Abstrak

Hutan hujan tropika di Semenanjung Malaysia mempunyai peranan yang sangat penting dalam pembangunan sosial, ekonomi dan ekologi secara setempat dan transnasional. Ketika zaman penjajahan, hutan di Semenanjung Malaysia telah dieksploitasi dengan giat hingga wujudnya idea konservasi bagi mengelak berlakunya kehabisan sumber hutan pada masa hadapan. British sendiri sebagai kuasa kolonial telah menubuhkan Jabatan Perhutanan dengan memperuntukkan kawasan-kawasan tertentu untuk dirizabkan sebagai hutan simpan. Namun, selepas kemerdekaan kawasan hutan masih kekal terancam hingga berlaku kemerosotan kawasan litupan hutan selain berlakunya kerosakan, fragmentasi dan degradasi hutan disebabkan oleh dasar kerajaan yang mengutamakan pembangunan ekonomi. Hal ini menimbulkan konflik antara pemegang taruh hutan terutamanya kerajaan negeri dan pertubuhan bukan kerajaan alam sekitar (ENGO). Objektif makalah ini adalah untuk memaparkan tentang peranan ENGO dalam isu berkaitan deforestasi dan usaha melindungi hutan di Endau-Rompin antara tahun 1970 di mana permulaan kontroversi Endau-Rompin tercetus sehingga tertubuhnya Taman Negeri Endau-Rompin (Pahang) pada tahun 2000. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu menggunakan sumber primer seperti Penyata Rasmi Parlimen, dan akhbar serta sumber sekunder seperti buku, laporan tahunan dan artikel jurnal selain melakukan kajian lapangan dengan mengikuti aktiviti anjuran beberapa buah ENGO yang berkaitan dengan hutan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa antara peranan ENGO yang paling kritikal dalam menangani isu deforestasi ialah untuk menghalang aktiviti yang merosakkan hutan terutamanya aktiviti yang sah yang melibatkan keputusan yang dibuat oleh kerajaan negeri. Penglibatan dan peranan ENGO hanya mampu melambatkan atau menangguhkan proses kehilangan kawasan litupan hutan buat sementara waktu sahaja. Hal ini terjadi kerana kerajaan negeri mempunyai kuasa ke atas tanah (hutan) menurut Perlembagaan Persekutuan tanpa dapat dipertikaikan dari sudut perundangan sehingga usaha menyelamatkan hutan hanyalah bergantung pada kemahuan politik (political will) sama ada Kerajaan Negeri ingin mendengar atau mengabaikan suara-suara yang dibangkitkan oleh ENGO dalam isu berkaitan deforestasi.

Kata kunci: Sejarah Alam Sekitar; ENGO; Environmentalisme; Endau-Rompin; Deforestasi

Abstract

Tropical Rainforests in Peninsular Malaysia have a very important role in social, economic, and ecological development locally and transnationally. During the British colonial period, the forests in Peninsular Malaysia were heavily exploited until the idea of conservation came into existence to avoid the depletion of forest resources in the future. The colonial government subsequently established the Forestry Department by designating certain areas as forest reserves. However, after Independence, these forest areas continued to remain under threat to the extent that it has resulted in a decline in forest cover in addition to damage, fragmentation, and degradation of forests in favour of government policies that prioritized economic development. The rush for economic growth has created a conflict between forest stakeholders, particularly the state government and environmental non-governmental organizations (NGOs). The objective of this paper is to present the role of NGOs related to issues in deforestation and forest protection efforts within Endau-Rompin between 1970 where the Endau-Rompin controversy began until the establishment of Endau-Rompin State Park (Pahang) in 2000. This study used a qualitative approach, that is primary sources such as Parliamentary Hansard and newspapers, and secondary sources such as books and journal articles. In addition, field research was carried out through the observation of forest-related activities organized by several NGOs. The findings of the study showed that one of the most critical roles of NGOs in dealing with the issue of deforestation is to prevent activities that damage the forest, especially legal activities that involve decisions made by the state government. The involvement and role of NGOs can only delay or prolong the process of losing forest cover. This happens because the state government has authority over the land (forest) matters according to the Federal Constitution which cannot be disputed from a legal point of view. The efforts to save the forest can only depend on the political will on whether the state government wants to address or ignore the concerns voiced by NGOs in issues related to deforestation.

Keywords: Environmental History; ENGO; Environmentalism; Endau-Rompin; Deforestation

Pengenalan

Malaysia dianugerahkan dengan hutan hujan tropika yang dianggap sebagai ekosistem paling kompleks di bumi. Ia didominasi oleh tumbuhan yang telah terbentuk selama jutaan tahun, di bawah kanopinya yang tinggi hidup pelbagai spesies yang tiada tandingan di tempat lain di bumi. Selain membekalkan kayu yang berkualiti tinggi, hutan tropika juga merupakan salah satu penyangga penting bagi kehidupan manusia kerana fungsinya yang pelbagai. Hutan hujan tropika dianggap sebagai paru-paru dunia yang membekalkan oksigen dan menyerap karbon dioksida untuk menstabilkan suhu bumi, melindungi permukaan tanah, mencegah hakisan, mengawal banjir, mengawal air di permukaan dan bawah tanah dan banyak lagi fungsi yang sangat penting untuk menjamin keselamatan dan kestabilan bumi. Namun tanpa mempertimbangkan kepentingan fungsi-fungsi tersebut, hutan hujan tropika terlebih dahulu dianggap penting dari sudut ekonomi kerana ia dikenali sebagai pembekal sumber kayu utama. Limpahan dan kekayaan sumber hutan pada masa dahulu menyebabkan muncul kepercayaan bahawa sumber hutan ini tidak akan habis.¹

Oleh sebab hutan tropika memberi manfaat kepada manusia dari pelbagai sudut, ia juga telah mengalami tekanan dari pelbagai sudut terutamanya ekonomi dan politik yang menyebabkan berlakunya kemusnahan dan kerosakan hutan yang serius. Tekanan yang dialami oleh hutan tropika ini telah mendapat perhatian yang meluas dalam perkembangan sejarah alam sekitar kerana segala bentuk perubahan yang berlaku ke atasnya, akan memberi impak secara setempat dan transnasional tanpa sempadan geografi. Di Malaysia, tekanan ke atas tanah hutan berlaku dengan sangat pesat

selepas negara mencapai kemerdekaan akibat pelan pembangunan ekonomi yang mengutamakan sektor pertanian dan perladangan hingga menyebabkan banyak kawasan yang telah diwartakan sebagai hutan simpan pada zaman pemerintahan British terpaksa dikorbankan untuk tujuan tersebut. Namun, tidak dapat dinafikan eksplotasi terhadap tanah hutan sebenarnya bermula pada zaman penjajahan akibat dasar-dasar yang mengutamakan kepentingan ekonomi penjajah dengan mengeksploitasi segala sumber-sumber utama yang ada di dalam negara.

Kekayaan semula jadi Malaysia, digabungkan dengan lokasinya di sepanjang laluan maritim yang menghubungkan benua kecil India dan Asia Timur, telah menjadikan perdagangan antarabangsa sebagai ciri penting ekonominya selama berabad-abad dengan hasil hutan yang pelbagai membentuk asas aktiviti ekonomi pada permulaan catatan sejarahnya.² Ia membawa kepada pembentukan rejim perdagangan yang berkembang maju yang berpusat di Melaka, yang mencapai kemuncaknya pada tahun 1400-an. Walaupun Portugis merupakan kuasa Eropah pertama yang menawan Melaka pada 1511, diikuti oleh Belanda pada tahun 1641, Britishlah yang melakukan perubahan besar terhadap sumber alam sekitar di Tanah Melayu melalui dasar kolonial.³

Sebelum kedatangan British pada tahun 1786, aktiviti ekonomi Tanah Melayu pada asasnya ialah ekonomi sara diri primitif, dengan impak yang agak kecil terhadap ekologi.⁴ Pada penutup abad ke-18, Semenanjung Tanah Melayu dilitupi oleh hutan belantara dengan penduduk yang kecil, dilitupi hutan yang secara politik dibahagi kepada beberapa buah negeri kecil.⁵ Penempatan terhadap kampung-kampung Melayu yang kecil, tersusun secara tradisional yang biasanya terletak di tepi pantai dan sungai, beberapa buah pusat perlombongan kecil di kaki bukit dan populasi Orang Asli yang berpindah randah. Komunikasi terhadap kepada sungai-sungai dan trek hutan, dan semenanjung menghasilkan kuantiti eksport secara kecil-kecilan untuk bijih timah, emas dan hasil hutan di mana ia merupakan wilayah yang hampir tidak mempunyai pertanian berorientasikan eksport pada ketika itu.⁶

Pada pertengahan abad ke-19, ekonomi Semenanjung Tanah Melayu berkembang dengan pesat apabila British mula mengusahakan tanah hutan untuk perlombongan dan pertanian bagi tujuan eksport dan dengan itu ekonomi Semenanjung Tanah Melayu dengan cepat menjadi terikat kepada perdagangan luar.⁷ Hal inilah yang mendorong kepada wujudnya istilah 'perladangan' yang merujuk kepada sebarang penanaman tanaman kontan yang berorientasikan eksport.⁸ Minat British dalam pertanian perladangan di Tanah Melayu bermula sejak penubuhan penempatan British di Penang dan Singapura yang bertujuan memudahkan kegiatan perdagangan antara Syarikat India Timur dan China.⁹

Pelabuhan semulajadi (*natural harbors*) di Pulau Pinang dan Singapura digunakan sebagai tempat perlindungan dan pelabuhan oleh British untuk kapal-kapal yang melalui perdagangan antara India dan Canton.¹⁰ Pulau Pinang, Singapura dan kemudiannya Melaka (secara kolektif Negeri-Negeri Selat) membentuk sebahagian daripada rangkaian wilayah enklaf Empayar British di Timur Jauh yang berfungsi sebagai pusat pentadbiran untuk pembangunan ekonomi berorientasikan eksport.¹¹ Pada mulanya enklaf ini menjadi tempat pengumpulan pelbagai jenis rempah ratus seperti gambir, buah pala dan lada.¹²

Selama berabad, masyarakat Asia Tenggara mengumpulkan rempah ratus, kayu aromatik dan lain-lain produk hutan untuk tujuan perdagangan yang telah menguntungkan banyak wilayah, tetapi tahap pengekstrakan ini sebahagian besarnya kekal dalam kapasiti produktif hutan semula jadi.¹³ Malah untuk pasaran Eropah, selama 300 tahun lebih, lada dan rempah ratus boleh diekstrak tanpa melumpuhkan ekosistem dan memusnahkan asas biologi hutan.¹⁴ Namun, menjelang akhir 1800-an, apabila berlaku peningkatan permintaan untuk produk hasil hutan, serta ubi kayu, tebu dan cengkih, British mula memperkenalkan pertanian dalam bentuk perladangan dan aktiviti ini memerlukan hutan (hutan primer) digondolkan di mana secara ekologi sangat merosakkan.¹⁵

Aktiviti mengekstrak (tanpa merosakkan ekosistem hutan) telah bertukar kepada aktiviti mengeksploitasi. Tebu menjadi monokrop tropika pertama yang ditanam secara meluas apabila selera Eropah terhadap gula melebihi bekalan madu hutan yang diambil dari hutan dan ladang mereka sendiri menyebabkan mereka mula mengimport gula di mana penanaman tebu telah menyebabkan banyak kawasan hutan digondolkan dan bertukar menjadi ladang.¹⁶ British dan pesaing Eropahnya membentuk wilayah besar dari kawasan tropika untuk melindungi sayap strategik mereka terhadap satu sama lain dan untuk mengekstrak kekayaan dari kawasan tropika.¹⁷ Disebabkan kos ketenteraan dan birokrasi empayar adalah sangat tinggi, ia memberikan tekanan kepada Eropah untuk mengembangkan pengeluaran tanaman kontan untuk faedah cukai lebih-lebih lagi Eropah pada abad ke-19 telah terobsesi dengan visi untuk mengembangkan pengeluaran sebagai kunci kepada kemajuan dan kebahagiaan manusia sejagat.¹⁸ Ini menyebabkan kuasa kolonial menyokong tindakan penebangan dan penggondolan hutan secara intensif berbanding sebelumnya.¹⁹

Menurut Jomo, gelombang pertama deforestasi moden di Malaysia bermula pada suku pertama abad ke-20 akibat daripada perkembangan dalam sektor pertanian dan penanaman getah di bawah sistem perladangan dan pekebun kecil.²⁰ Gelombang kedua pula, khususnya di Semenanjung Malaysia bermula selepas kemerdekaan pada tahun 1957 yang pada mulanya didorong oleh rancangan pembangunan tanah di bawah naungan agensi-agensi negeri.²¹ Bermula dengan getah, kemudian kelapa sawit telah menyebabkan berlakunya deforestasi terhadap sebahagian besar kawasan hutan yang boleh diakses yang kemudiannya ditukar untuk kegunaan pertanian.²² Gelombang kedua ini juga didorong oleh perkembangan aktiviti pembalakan komersial yang pada mulanya terhenti antara tahun 1950-an dan 1960-an namun kemudiannya kembali meningkat antara tahun 1970-an dan 1990-an.²³

Di celah-celah gelombang kedua deforestasi secara besar-besaran iaitu sekitar 1970-an, munculnya environmentalisme dan munculnya gerakan alam sekitar di Semenanjung Malaysia. Ia tercetus daripada kebimbangan global mengenai keadaan sosio-ekonomi akibat daripada degradasi hutan.²⁴ Sama seperti kes di negara yang sedang membangun lainnya, Malaysia dianggap telah membahayakan alam sekitarnya melalui program pembangunan dan pertumbuhan ekonomi yang dilihat terlalu bercita-cita tinggi.²⁵ Artikel ini akan membincangkan peranan gerakan ENGO dalam memperjuangkan isu deforestasi yang tidak terkawal yang telah terbukti secara saintifik memberi impak negatif terhadap manusia dan alam sekitar terutama di kawasan Endau-Rompin.

Asal Usul Environmentalisme

Dalam meneliti sejarah environmentalisme dari perspektif deforestasi, adalah menarik untuk kita teliti pandangan sejarawan British seperti Grogery Barton melalui bukunya *Empire Forestry and the Origins of Environmentalism*. Ketika menjawab persoalan bilakah dan di manakah environmentalisme bermula, Barton menegaskan di dalam buku tersebut,²⁶ environmentalisme dalam erti kata tindakan yang praktikal, ia bermula di India pada tahun 1855 dengan terbentuknya Piagam Hutan (*forest charter*) atas hasil usaha *environmentalist*²⁷ empayar British yang 'keras kepala' (gigih). Menurut Barton, piagam ini telah mentakrifkan hak negara ke atas 'alam semula jadi' (*nature*) dengan melarang kepentingan peribadi dan memulakan sistem pengurusan hutan yang baharu. Menurut Barton, seorang ahli botani terlatih iaitu Dietrich Brandis dianggap sebagai *empire booster* kerana telah mencipta model pengurusan hutan pelbagai guna (*multiuse*) yang digunakan oleh British India secara meluas sehingga dikatakan menjelang tahun 1939, pegawai hutan empayar (*empire forester*) telah menguruskan separuh daripada kekayaan hutan dunia.

Pengurusan alam sekitar empayar ini memerlukan perluasan kuasa negara yang drastik dan evolusi pakar saintifik baharu iaitu pegawai hutan. Barton dengan bangganya menyatakan hanya di Empayar British, program perhutanan pelbagai guna buat pertama kalinya telah dapat menyelesaikan ketegangan antara *laissez-faire* dan keperluan pengurusan sumber negara yang berpandangan jauh. Seheinggakan apabila negara-negara lain membuat keputusan untuk menggubal program pengurusan hutan, mereka merujuk kepada perhutanan empayar (*empire forestry*) dan pegawai hutannya. Menurut Barton juga, walaupun pensejarahan alam sekitar berhutang asal usul terutamanya kepada sarjana Amerika Utara yang telah banyak dipengaruhi oleh penulisan bersifat romantik, Barton menegaskan environmentalisme dalam erti kata dasar yang praktikal, berhutang asal usulnya terhadap perhutanan empayar. Hujah ini jelas menunjukkan Barton cuba menegaskan pengaruh British dalam kebangkitan environmentalisme adalah jauh lebih besar berbanding apa yang telah dilakukan oleh sarjana Amerika Syarikat apabila berhujah bahawa tiga orang pegawai hutan awal Amerika Syarikat iaitu Franklin B. Hough, Charles Sargent dan Gifford Pinchot telah terpengaruh dengan perhutanan empayar dalam perbincangan mereka tentang status hutan di Amerika. Kesimpulan Barton ialah, environmentalisme berpunca daripada industrialisme dan imperialisme dan bertitik tolak daripada authoritarian, imperial, Kristian, Victorians of Anglo-Saxon (yang selalu rasis) dan warisan Jerman.²⁸

Hujah yang dikemukakan oleh Barton di dalam *Empire Forestry and the Origin of Environmentalism* adalah standard catatan para kolonialis; petani yang menjengkelkan dianggap sebagai sebahagian daripada masalah, manakala pegawai hutan British dianggap sebagai wira yang menyelamatkan. Barton menunjukkan originalitinya ketika dia tidak henti-henti memperincikan pengaruh perhutanan empayar terhadap seluruh tanah jajahan. Asal usul Environmentalisme versi Barton ini sangat mengelirukan seolah-olah Barton lupa atau buat-buat lupa, Britishlah yang merosakkan tanah hutan di kawasan-kawasan jajahannya termasuklah hutan di India yang sebelum itu sangat kaya. British telah mengeksploitasi kekayaan sumber semula jadi di India sejak abad ke-18 lagi untuk kepentingan England.²⁹ Sejarah telah menunjukkan dengan jelas bahawa Britishlah yang telah mengeksploitasi dan merosakkan hutan-hutan tersebut.

Sebelum wujudnya Piagam Hutan di India pada 1855, pada tahun 1730 lebih daripada 300 orang daripada komuniti Bishnois (*environmentalist* pertama India) dari Rajasthan, India telah terbunuh kerana menghalang pembalakan.³⁰ Bishnois dianggap sebagai satu komuniti tersusun yang pertama yang menyokong eco-konservasi (*eco-conservation*) yang memperjuangkan perlindungan untuk hidupan liar dan tumbuh-tumbuhan.³¹ Dalam peristiwa malang tersebut, Maharaja Abhay Singh menghantar sekumpulan lelaki ke Kampung Khejarli (diambil sempena nama pokok khejri) untuk memotong pokok khejri yang akan digunakan untuk membakar kapur bagi pembinaan istana baharu maharaja. Bishnois dari Khejarli dan kampung berdekatan datang memeluk pokok untuk menghalang pokok tersebut daripada ditebang dan perbuatan itu menyebabkan tentera maharaja memenggal kepala mereka dan menyebabkan 363 orang menjadi korban.³² Apabila berita tentang kejadian ini sampai kepada maharaja, beliau bergegas turun ke kampung tersebut dan meminta maaf kepada penduduk selain mengarahkan agar operasi pembalakan dihentikan dan menjadikan kawasan Bishnois sebagai kawasan perlindungan (dilarang merosakkan pokok dan haiwan).³³

Beza antara environmentalisme komuniti Bishnois berbanding environmentalisme versi Barton ialah gerakan Bishnois bermula dari bawah, digerakkan oleh masyarakat setempat yang tidak mempunyai kuasa namun mereka mempunyai 'ikatan' dengan alam sekitar. Sebarang perubahan yang merosakkan alam sekitar, akan menyebabkan mereka bangkit mempertahankan. Manakala environmentalisme versi Barton pula telah memberikan hak sepenuhnya kepada negara (pemerintah) terhadap sumber alam (*nature*) dan ia menjadi titik tolak yang menyebabkan masyarakat setempat hilang 'ikatan' terhadap alam sekitar terutamanya hutan. Masyarakat setempat terpaksa menerima anggapan bahawa negara (kerajaan) mempunyai hak untuk 'merosakkan' kawasan hutan atas nama

pembangunan. Hal inilah yang menyebabkan kawasan hutan hilang sedikit demi sedikit. Tidak ada pihak yang membantah melainkan komuniti Orang Asli atau puak natif yang hidup seharian mereka mempunyai ikatan langsung dengan alam sekitar kerana alam masih menjadi sumber utama untuk mendapatkan air, makanan, ubat-ubatan, perlindungan fizikal dan mental (rohani) dan sebagainya. Disebabkan 'keterikatan' manusia dengan alam telah berkurangan atau hilang sama sekali oleh pemodenan cara hidup, maka 'ikatan' hutan dan manusia semakin terlerai dan menjadi jauh. Semakin jauh 'ikatan' tersebut, maka semakin rosaklah hutan.

Apabila diberikan hak mentadbir alam sekitar kepada negara (pemerintah) secara sepenuhnya, nasib alam sekitar juga tertakluk sepenuhnya kepada kemahuan politik (*political will*) dan kebijaksanaan politik (*political wisdom*) pemerintah sama ada ingin memelihara atau ingin merosakkannya. Melalui empayar perhutanan, dunia (pemerintah) mula percaya bahawa hutan perlu digondolkan untuk "pembangunan negara" sama ada untuk mengatasi kemiskinan atau menampung pertumbuhan penduduk sedangkan kita telah dapat melihat contoh bagaimana negara-negara maju telah merosakkan hutan mereka hingga mendorong mereka keluar menjajah negara lain demi mendapatkan sumber aslinya. Apabila berakhirnya zaman penjajahan, ia diteruskan lagi dengan hubungan import-eksport kayu balak di mana negara-negara maju yang telah kekurangan sumber kayu mengimport kayu dari negara membangun (negara tropika).

Selepas mencapai kemerdekaan, Malaysia mewarisi Jabatan Perhutanan sebagai satu institusi yang selama ini difahami sebagai 'pelindung' hutan. Namun, hakikatnya Jabatan Hutan tidak lebih daripada pihak yang menguruskan hasil hutan sedangkan kuasa sama ada ingin menyimpan atau merosakkan hutan adalah terletak pada budi bicara kerajaan negeri yang mengikut Perlembagaan Negara mempunyai kuasa mutlak ke atas tanah termasuklah kawasan yang telah diwartakan sebagai Hutan Simpan Kekal. Fungsi Jabatan Perhutanan hanyalah terhad kepada pengurusan, perancangan dan pembangunan di dalam kawasan hutan simpan tertakluk kepada Dasar Perhutanan Negara (DPN) 1992 dan Akta Perhutanan Negara (APN) 1984. DPN dan APN tidak mampu melindungi kawasan hutan sepenuhnya disebabkan Perlembagaan Persekutuan telah memberikan kuasa mutlak kepada kerajaan negeri dalam urusan tanah (Portfolio tanah dan sumber asli biasanya berada di bawah kuasa Menteri Besar). Oleh itu, gerakan alam sekitar yang dipelopori oleh ENGO menjadi suatu gerakan yang sangat penting sebagai 'semak imbang' terhadap pelaksanaan dasar kerajaan dalam menguruskan hutan negeri.

ENGO dalam Isu Endau-Rompin


Selepas merdeka, Semenanjung Malaysia menerima pembangunan yang sangat pesat ke atas tanah akibat dasar-dasar kerajaan seperti Rancangan Malaya Kedua (1961-1965), Rancangan Malaysia Pertama (1966-1970), Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975), Rancangan Malaysia Ketiga (1976-1980) dan Dasar Ekonomi Baru (1970-1990) yang mengutamakan pembangunan kawasan luar bandar mengakibatkan berlakunya penerokaan kawasan hutan secara besar-besaran. Pada tahun 1960, Semenanjung Malaysia masih mempunyai 9.4 juta hektar kawasan berhutan (71%)³⁴ dan pada tahun 1980, jumlah itu merosot kepada 6.5 juta hektar kawasan berhutan (49.42%)³⁵ dengan kehilangan sebanyak 2.9 juta hektar kawasan hutan dalam masa 20 tahun. Justeru, beberapa ENGO ditubuhkan sekitar tahun 1970-an sebahagian besarnya merupakan tindak balas kepada peningkatan risiko dan bahaya yang dialami oleh masyarakat yang timbul akibat daripada kehilangan biodiversiti secara meluas melalui pembangunan ladang pertanian berskala besar dan juga pencemaran industri.³⁶

Malaysian Nature Society (MNS) merupakan ENGO pertama yang ditubuhkan di Malaysia. Sebelum itu, MNS dikenali sebagai *Malayan Nature Society* ditubuhkan pada tahun 1940 oleh pegawai British yang bertugas di Tanah Melayu pada ketika itu atas agenda konservasi dengan menerbitkan

Malayan Nature Journal untuk merekodkan kajian mengenai flora dan fauna di dalam hutan di Tanah Melayu. Kemudian sekitar tahun 1970-an lebih banyak NGO ditubuhkan seperti Persatuan Pengguna Pulau Pinang CAP³⁷ (1970), *World Wildlife Fund-Malaysia* (1972) dan Persatuan Perlindungan Alam Sekitar Malaysia EPSM (1974). Presiden CAP iaitu S.M. Mohamed Idris kemudian mengasaskan Sahabat Alam Malaysia SAM (1977) dan pada tahun 1983, SAM menyertai *Friends of the Earth International (FoEI)*.

Dalam kajian berkaitan gerakan alam sekitar dan isu deforestasi, adalah penting untuk mengingat kembali kontroversi atau isu Endau-Rompin yang menjadi titik penting dalam sejarah alam sekitar dan perhutanan di Semenanjung Malaysia. Kontroversi Endau-Rompin merupakan pertikaian alam sekitar pertama yang berlaku di Malaysia.³⁸ Kes ini menjadi bukti yang memperlihatkan potensi bantahan awam (*public protest*) yang digerakkan oleh ENGO hingga menarik penyertaan daripada pelbagai lapisan masyarakat dalam menangani isu berkaitan konservasi dan perlindungan alam sekitar. Dalam peristiwa bersejarah tersebut, MNS telah mengetuai gabungan ENGO termasuk SAM dan EPSM untuk menjalankan kempen 'Selamatkan Taman Endau-Rompin'.³⁹

Kontroversi Endau-Rompin mungkin harus dilihat dalam konteks dasar pembangunan ekonomi Malaysia sejak tahun 1960-an dan kos alam sekitar yang harus ditanggung akibat pembangunan tersebut di mana salah satu strategi untuk mencapai pertumbuhan ekonomi yang pesat ialah dengan melakukan eksploitasi terhadap sumber asli negara yang sangat kaya, terutamanya sumber hutan dan tanahnya.⁴⁰ Eksploitasi sumber tersebut menyebabkan berlakunya perubahan guna tanah pada skala besar akibat daripada pembalakan di kawasan hutan primer yang berlaku dengan begitu pesat.⁴¹ Kawasan hutan yang didapati sesuai untuk pertanian telah ditukar menjadi ladang getah dan ladang kelapa sawit yang luas.⁴²



Rajah 1: Peta Taman Negara/ Taman Negeri Endau Rompin

Sumber: Diubahsuai daripada Peta Sumber Hutan Semenanjung Malaysia (Inventori Hutan Nasional Kelima), Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, 2012.

Kepentingan Wilayah Endau-Rompin Sebagai Kawasan Konservasi

Cadangan penubuhan Taman Negara Endau-Rompin bermula pada tahun 1971 ketika Tun Abdul Razak Hussein menjadi Perdana Menteri Malaysia yang telah mengarahkan agar dipertimbangan cadangan untuk memajukan Endau-Rompin sebagai sebuah taman negara.⁴³ Pada tahun 1972, Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA) telah mencadangkan agar Endau-Rompin dijadikan sebagai kawasan konservasi.⁴⁴ Pada tahun 1972 juga, satu laporan telah dikeluarkan oleh sebuah jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Perikanan pada masa itu yang bertanggungjawab ke atas Jabatan Mergastua yang mana antara lain telah memperakukan supaya Endau-Rompin diwartakan sebagai taman negara.⁴⁵ Cadangan itu dibuat berdasarkan pelan pengurusan yang mengesyorkan agar 870 km persegi wilayah tersebut diklasifikasikan sebagai taman negara dengan perhatian khusus diberikan kepada kawasan penting bagi Badak Sumbu Sumatera (*Dicerorhinus sumatrensis*).⁴⁶ Kawasan Endau-Rompin merupakan kawasan hutan terakhir yang cukup besar yang masih tinggal di Semenanjung Malaysia dan menjadi habitat haiwan tersebut yang jarang ditemui dan ahli konservasi percaya bahawa ia adalah satu-satunya tempat pembiakan spesies tersebut.⁴⁷ Taman yang dicadangkan itu akan memelihara kira-kira 65% daripada baki habitat badak sumbu yang masih tinggal dan kawasan tersebut dinilai sebagai kawasan yang mempunyai banyak kayu komersial bernilai tinggi dan telah pun terikat dengan konsesi balak.⁴⁸

Kawasan yang dicadangkan itu juga termasuk dalam kawasan Rizab Hidupan Liar Endau-Kluang⁴⁹ yang telah diwartakan pada tahun 1933 dan bersebelahan dengan Santuari Hidupan Liar Segamat yang telah diwartakan pada tahun 1937 bertujuan melindungi sekumpulan besar seladang di sekitar Sungai Segamat. Rizab Hidupan Liar Endau-Kluang yang telah diwartakan pada tahun 1933 itu sendiri merupakan kawasan terpencil dan terlindung daripada eksploitasi sehinggalah pada tahun 1960-an kebanyakan tanah yang sesuai untuk pertanian telah dikeluarkan daripada warta dan beberapa konsesi balak telah dikeluarkan termasuklah di dalam kawasan rizab yang dicadangkan. Endau-Rompin juga menjadi tempat perlindungan terakhir bagi beberapa spesies haiwan yang paling terancam seperti seladang atau Malayan gaur (*Bos gaurus hubbacki*) dan harimau *Panthera tigris*.⁵⁰ Di sempadan sebelah Pahang pula, sebahagian besar kawasan diliputi oleh Sungai Jamai, Kemapan dan Kinchin di mana ketiga-tiga kawasan ini terletak sepenuhnya di dalam kawasan yang dicadangkan termasuklah Hutan Simpan Lesong yang ditubuhkan pada tahun 1906.⁵¹

Kemudian pada tahun 1974, MNS telah menyusun dan menerbitkan jurnal "Rangka Tindakan Konservasi" (*Blueprint for Conservation*) yang menyenaraikan 64 kawasan di Semenanjung yang seharusnya dilindungi oleh undang-undang sebagai kawasan konservasi yang mana kawasan-kawasan yang disenaraikan itu sebahagiannya merupakan kawasan yang baru dicadangkan sebagai Taman Negera Endau Rompin. Pada tahun 1975, cadangan penubuhan Taman Negara Endau-Rompin kemudian dimasukkan ke dalam Rancangan Malaysia Ketiga di bawah bab Pembangunan dan Alam Sekitar (*Development and the Environment*) yang buat pertama kalinya menggariskan dasar alam sekitar negara dalam tujuan menyeimbangkan antara konservasi dan pembangunan. Dalam Rancangan Malaysia Ketiga 1976-1980, keluasan Taman Negara Endau-Rompin yang dicadangkan adalah lebih luas iaitu 202,343 hektar (500,000 ekar) di mana kawasan yang ditetapkan ini akan menjadi taman negara pelbagai guna dan aktiviti pembalakan dihadkan kepada kawasan yang ditetapkan sahaja (kawasan-kawasan yang telah diberi lesen sebelum cadangan penubuhan taman negara itu dibuat).⁵² Di dalam kawasan yang dicadangkan itu, hanya terdapat pembalakan hasil mampan (*sustained-yield*) dan ia akan dihadkan kepada zon penamparan (*buffer zone*) seluas 110,480 hektar di mana kawasan pertanian akan dikecualikan, manakala baki 91,863 hektar akan membentuk 'kawasan teras' yang tidak boleh diganggu.⁵³ Namun, sebahagian kawasan teras tersebut di kedua-dua negeri sebenarnya telah dibalak di bawah lesen yang dikeluarkan sepanjang tahun 1960-an.

Berdasarkan cadangan menubuhkan Taman Negara Endau-Rompin itu juga, satu taklimat telah diberikan kepada Kerajaan Negeri Pahang dan Kerajaan Negeri Johor pada pertengahan tahun 1977 dan kerajaan kedua-dua negeri pada dasarnya telah bersetuju dengan cadangan yang dikemukakan namun masih memerlukan pertimbangan yang teliti.⁵⁴ Berdasarkan persetujuan tersebut, pembalakan akan dihadkan di kawasan pinggir rizab tanpa menyentuh kawasan teras seluas 36,421 hektar yang terletak betul-betul di tengah kompleks hutan tersebut dan apabila pembalakan di kawasan pinggir tersebut selesai, seluruh kawasan itu akan dirizabkan sebagai taman negara.⁵⁵ Dalam tahun 1977 juga, satu kajian semula telah dilakukan oleh seorang pakar dari Kanada di bawah Rancangan Colombo terhadap kawasan-kawasan konservasi Semenanjung Malaysia termasuk kawasan Endau-Rompin.⁵⁶ Dalam proses kajian tersebut, satu cadangan telah dirangka oleh pihak Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman-taman Negara memandangkan tiada sebarang tindakan telah diambil ke atas cadangan sebelumnya.⁵⁷

Walau bagaimanapun, konflik timbul apabila kerajaan negeri Pahang kemudian telah meluluskan lesen pembalakan di bahagian kawasan teras yang dicadangkan sebagai taman negeri itu seluas 12,140 hektar pada tahun 1977 dengan mendakwa Pahang tidak membuat komitmen rasmi terhadap idea penubuhan taman negara.⁵⁸ Tindakan ini telah mengecewakan golongan ahli konservasi dan mencetuskan kempen secara besar-besaran dan tersusun yang dilakukan oleh ENGO untuk menyelamatkan kawasan tersebut.⁵⁹ Seluruh rakyat Malaysia bangkit membantah – kumpulan konservasi, pelajar, organisasi perniagaan, akhbar tempatan dan juga sebahagian daripada parti gabungan pemerintah dan ia menjadi pertikaian alam sekitar yang pertama seumpamanya di Malaysia.⁶⁰

ENGO dan Penyertaan Media

Orang ramai secara umumnya mula menyedari ancaman terhadap kawasan hutan yang dicadangkan sebagai taman negara itu apabila enam buah pertubuhan iaitu MNS, *Malaysian Zoological Society*, *National Geographical Association of Malaysia*, *Malaysian Society of Marine Science*, *Malaysian Forestry Society* dan WWF-Malaysia membayar iklan separuh muka surat dalam akhbar *New Straits Times* dengan memberikan butiran terperinci mengenai hutan dan senarai hidupan liar yang ada di kawasan tersebut di samping menekankan kepentingan memelihara kawasan itu daripada sebarang aktiviti pembalakan.⁶¹ Iklan itu telah menarik perhatian dan sepanjang minggu sejeurus selepas iklan tersebut disiarkan, rencana utama mengenai isu yang mengandungi wawancara dengan wakil daripada kumpulan konservasi telah disiarkan dalam akhbar *New Sunday Times*, 5 Jun 1977; *New Straits Times*, 13 Jun 1977; surat kepada editor yang mengandungi 165 tandatangan telah dicetak oleh *New Straits Times*, 19 Mei 1977. *New Straits Times* telah menyiarkan topik tersebut dalam editorial dengan menyimpulkan bahawa pada dasarnya objektif jangka pendek (dan keuntungan) negeri tidak seharusnya membahayakan kepentingan jangka panjang negara dan rakyatnya.⁶² Akhbar-akhbar itu juga meminta pendapat daripada pegawai kerajaan mengenai isu Endau-Rompin termasuklah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar daripada Kerajaan Persekutuan yang telah menyatakan pendirian menentang pembalakan tersebut.⁶³ Namun, kementerian itu juga mengatakan, atas sebab-sebab perlembagaan ia tidak boleh campur tangan secara langsung dan seorang pegawainya menyatakan, 'Kami mempunyai perjanjian tidak rasmi untuk membiarkan kawasan tersebut tidak diganggu tetapi Kerajaan Pahang telah mengubah fikiran. Tanah ialah urusan negeri dan kita tidak boleh campur tangan'.⁶⁴

Kerajaan negeri enggan mendengar nasihat dan pembalakan diteruskan. Dilaporkan pada ketika itu, pembalok 'mempercepatkan' proses mengeluarkan kayu balak dari kawasan hutan kerana bimbang sekiranya lesen mereka mungkin dibatalkan.⁶⁵ Dalam salah satu surat yang dihantar kepada

akhbar ialah surat daripada Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang mengatakan bahawa apabila kerajaan perlu memilih antara kebajikan manusia dan kelangsungan hidup haiwan, kerajaan perlu memilih yang pertama. Manakala editorial melaporkan bahawa Kerajaan Negeri Pahang tidak membantah usaha untuk membentuk taman negara namun ia hanya apabila kawasan tersebut telah dieksploitasi sepenuhnya untuk kepentingan ekonomi negeri.⁶⁶ Kenyataan daripada pihak Kerajaan Negeri tersebut telah menyebabkan kempen membantah pembalakan dijalankan oleh pelbagai pertubuhan yang dimulakan dengan kempen tandatangan dan penganjuran menghantar surat dan poskad kepada Menteri Besar.⁶⁷ Bantahan lain yang turut dilakukan ialah mengedarkan poster, baju-T, pekat kenderaan dan mengadakan forum awam.⁶⁸

Isu Endau-Rompin telah dibangkitkan di Dewan Rakyat pada akhir Julai 1977 oleh Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dengan menyatakan bahawa kementeriannya telah sedaya upaya cuba memberi maklumat agar Kerajaan Negeri faham mengapa kawasan hutan Endau-Rompin yang dicadangkan itu harus dipelihara dan tidak 'tertakluk kepada keperluan jangka pendek Kerajaan Negeri'⁶⁹ namun kerajaan Pahang tetap tidak berganjak dengan pendiriannya. Pada bulan September 1977, pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah menghantar surat ulangan kepada Kerajaan Negeri Pahang berkaitan penubuhan taman negara tersebut.⁷⁰

Ketegasan Kerajaan Negeri Pahang dalam membenarkan aktiviti pembalakan terus berlaku di kawasan Taman Negara Endau-Rompin yang dicadangkan telah mencetuskan bantahan awam yang lebih bersemangat dan satu kempen 'Selamatkan Taman Negara Endau-Rompin' (*Save Endau-Rompin National Park*) telah dilancarkan dengan menggunakan badak sebagai simbol (rajah 2).⁷¹



Rajah 2: Badak Sumbu Sumatera dijadikan simbol untuk kempen Selamatkan Taman Negara Endau-Rompin.

Sumber: Robert Aiken S. dan Colin H. Leigh, *On the Declining Fauna of Peninsular Malaysia in the Post-Colonial Period*, *AMBIO*, Vol. 14, No. 1, 1985.

Pada awal Ogos 1977 *Council of the Malayan Nature Society* telah disiarkan dengan panjang lebar menyatakan pendirian dan turut mengingatkan mengapa sangat penting untuk melindungi kawasan hutan Endau-Rompin dan pendirian tersebut diperakui sepenuhnya oleh semua cawangan MNS yang lainnya. MNS mengemukakan petisyen dan setiap cawangan MNS berjaya mengumpulkan lebih daripada 5500 tandatangan yang ditujukan kepada Kerajaan Negeri Pahang.⁷² MNS pada masa yang sama merayu kepada organisasi antarabangsa seperti *International Union for the Conservation of Nature* (IUCN), dan IUCN pula merayu Tun Hussein Onn yang kemudiannya bersetuju untuk mesyuarat bersama dengan lima buah pertubuhan sukarela termasuk MNS, EPSM dan Persatuan Perhutanan Malaya.⁷³ Pada 8 September 1977, Pemuda UMNO telah menghantar legasi untuk bertemu dengan TPM Mahathir Mohamed untuk menegaskan segala bentuk pembalakan di dalam kawasan yang dicadangkan sebagai Taman Negara Endau-Rompin harus dihentikan dan pada masa

yang sama, Kerajaan Pahang digesa menghentikan pengeluaran lesen untuk mengekstrak balak dari kawasan tersebut.⁷⁴ Pada 15 November 1977, dilaporkan selama tiga bulan lebih dan 24 jam sehari, hampir 20 buah truk yang penuh dengan bertan-tan kayu balak keluar dari hutan Pahang. Pembalakan kelihatan seperti sedang tergesa-gesa menebang pokok.⁷⁵ Menteri Alam Sekitar yang melawat rizab itu, mengakui betapa seriusnya kerosakan yang disebabkan oleh operasi pembalakan ke atas rizab dan ancaman kepada hidupan liar.⁷⁶ Pembalakan tersebut dikatakan diuruskan oleh sindiket Singapura yang melakukan aktiviti tersebut secara tergesa-gesa dan sewenang-wenangnya kerana perlu membalak kira-kira 12,000 hektar untuk konsesi selama satu tahun.⁷⁷

Setelah Kerajaan Negeri Pahang tetap dengan pendiriannya dan terus mengeluarkan lesen seluas 2,188 hektar lagi, hal itu telah meletakkan Kerajaan Persekutuan dalam dilema dan bimbang untuk mencabar kuasa negeri kerana ia akan mewujudkan banyak risiko kerana isu tersebut berpotensi menjejaskan kerjasama Persekutuan-Negeri dalam skim pembangunan.⁷⁸ Untuk mengelak konfrontasi langsung dengan Negeri, Kerajaan Persekutuan menolak cadangan wakil UMNO di Parlimen, Mohamed Sophe Sheikh Ibrahim, untuk menggantung peruntukan kewangan Persekutuan sebagai cara memaksa Pahang.⁷⁹ Kuala Lumpur juga tidak bersedia untuk mengambil langkah yang belum pernah berlaku sebelum ini dengan menggunakan Perkara 83 Perlembagaan Persekutuan untuk memperoleh Tanah Negeri bagi tujuan kepentingan negara.⁸⁰ Menurut Robert Aiken yang banyak membuat kajian tentang Endau-Rompin sekitar tahun 1980-an dan awal tahun 1990-an, selain menggunakan Perkara 83 Perlembagaan Persekutuan, Kerajaan Persekutuan juga boleh mengatur agar wilayah Endau-Rompin diletakkan dalam senarai Warisan Dunia untuk membolehkan wilayah itu diambil alih dengan menggunakan 'kuasa hal ehwal luar' (*external affairs power*) yang dimiliki oleh Kerajaan Persekutuan di bawah Perkara 76 Perlembagaan Persekutuan.⁸¹ Kerajaan Persekutuan juga boleh, menurut Perkara 92 Perlembagaan Malaysia, mengisytiharkan Endau-Rompin sebagai 'kawasan pembangunan' (*development area*) yang membolehkan Kerajaan Persekutuan menyediakan rancangan untuk pemuliharaan sumber asli wilayah tersebut.⁸²

Namun pada ketika itu, untuk mengelakkan langkah yang boleh mengancam kestabilan politik, Kerajaan Persekutuan hanya mengenakan larangan ke atas eksport balak dari wilayah Endau-Rompin.⁸³ Tindakan ini menyebabkan Kerajaan Negeri Pahang tidak mempunyai pilihan selain mengekang operasi dan menggantung pelesenan balak dan menghebahkan menghebahkan langkah itu sebagai tindak balas perdamaian daripada kerajaan negeri terhadap rayuan para ahli konservasi.⁸⁴ Strategi Persekutuan tersebut membuahkan hasil buat sementara waktu. Pembalakan telah dihentikan pada tahun 1978, tetapi taman negara yang dicadangkan masih tidak diwujudkan.⁸⁵ Pada Feb 1979 dalam Mesyuarat Kerajaan Negeri Johor, kerajaan negeri itu telah meluluskan kawasan seluas 48,775 hektar untuk dijadikan Taman Negara Endau-Rompin namun keluasan tersebut kemudian dibatalkan dalam Mesyuarat Kerajaan Negeri pada Ogos 1984 dan meluluskan keluasan yang baharu untuk cadangan Taman Negara Endau-Rompin iaitu seluas 24,800 hektar.⁸⁶ Selepas itu tiada perkembangan yang berlaku sehinggalah Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar pada waktu itu mengadakan perjumpaan dengan Menteri Besar Johor pada 27 Feb 1983 dan dengan Menteri Besar Pahang pada 18 Mac 1983 untuk kembali membincangkan rancangan penubuhan taman negara tersebut.⁸⁷ Namun, pada tahun 1984, pembalakan di Endau-Rompin disambung semula dan menyebabkan ENGO sekali lagi bergabung untuk tujuan yang sama tetapi mengubah taktik dengan menjadi lebih lunak (kurang menunjukkan penentangan) terhadap Pihak Berkuasa Negeri.⁸⁸

Mengubah Taktik Bantahan kepada Ekspedisi Sainifik

Pada tahun 1985, MNS dengan kerjasama akhbar *The Star* telah melancarkan '*The Malayan Scientific and Heritage Expedition*' pada 2 Jun 1985 di bawah naungan Tunku Abdul Rahman yang merupakan eksplorasi biologi secara besar-besaran yang pertama pernah diadakan di kawasan tersebut yang kemudiannya mendapat liputan media yang meluas.⁸⁹ Selain ingin mengalihkan fokus masyarakat awam kepada kepentingan ekologi wilayah Endau-Rompin, ekspedisi itu juga turut mendapat sokongan yang lebih luas termasuk sayap pemuda UMNO, para saintis dari universiti, dewan perniagaan dan beberapa pertubuhan siswazah. Ekspedisi itu dianggap begitu berjaya sehingga tempoh asalnya yang dijangka selama enam bulan telah dilanjutkan menjadi setahun penuh.⁹⁰ Antara tujuan ekspedisi itu dijalankan adalah untuk mendokumenkan semua spesies tumbuhan dan haiwan yang ditemui dengan perhatian khusus diberikan kepada spesies endemik dan spesies nadir.⁹¹ Selain itu ia juga bertujuan menyediakan maklumat yang mudah didapati tentang Endau-Rompin untuk kegunaan agensi kerajaan, saintis, pelajar dan orang awam di mana laporan kajian lapangan telah diterbitkan dalam *Malayan Naturalist* pada bulan Mei dan November 1986 dan penemuan saintifik telah dilaporkan dalam keluaran khas *Malayan Nature Journal* di mana ekspedisi itu mensasarkan kumpulan pelajar dan belia agar terlibat dalam kajian lapangan di mana lebih 400 pelajar sekolah dari seluruh negara telah menyertai ekspedisi tersebut pada musim cuti sekolah.⁹² Ekspedisi ini merupakan satu kejayaan yang popular dengan pencapaian kerjasama saintifik yang besar lebih-lebih lagi penemuan awal ekspedisi yang merangkumi beberapa spesies tumbuhan endemik, buluh yang sangat jarang ditemui, hutan palma kipas yang unik, dan kawasan perlindungan penting bagi populasi seladang (lembu liar, *Bos gaurus*) dan Badak Sumatera di Johor membuktikan bahawa wilayah hutan Endau-Rompin perlu dipelihara.⁹³

Kegagalan Penubuhan Taman Negara Endau-Rompin

Tidak seperti yang dicita-citakan, pada Julai 1986, Kerajaan Negeri Pahang telahewartakan kawasan Endau-Rompin seluas 40,177 hektar sebagai kawasan mergastua untuk kegunaan pihak awam di bawah Kanun Tanah Negara dan bukannya di bawah Akta Taman-taman Negara 1980.⁹⁴ Kemudian pada pertengahan tahun 1987 Kerajaan Negeri Pahang dan Johor mengisytiharkan bahawa mereka tidak akan menyerahkan bidang kuasa ke atas mana-mana kawasan hutan mereka kepada Kerajaan Persekutuan untuk Taman Negara Endau-Rompin.⁹⁵ Taman Negara di bawah warta Persekutuan akhirnya tidak dapat direalisasikan dan Kerajaan Negeri Johor dan Pahang akhirnya memutuskan bahawa Taman Negara Endau-Rompin ini perlu dijadikan Taman Negara Endau-Rompin dengan enakmen taman negeri masing-masing dan di bawah bidang kuasa berasingan.⁹⁶ Kerajaan Negeri Johor kemudian telahewartakan Taman Negara Endau Rompin (Johor) pada 2 September 1993 di bawah pengurusan Perbadanan Taman Negara, Johor.⁹⁷ Manakala Pahang hanyaewartakan Taman Negeri Rompin, Pahang sebagai Hutan Simpan Kekal pada tahun 2000 yang diuruskan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Pahang.⁹⁸

Environmentalis berbelah bahagi mengenai keputusan mewujudkan dua taman negeri dan bukannya taman negara seperti yang diharapkan ke atas wilayah hutan Endau-Rompin. MNS dikatakan menyambut baik keputusan tersebut kerana sebahagiannya ialah ia akan memudahkan inventori untuk flora dan fauna yang ada di dalam kawasan tersebut. Manakala NGO lain menentang keputusan itu atas alasan ia tidak memberikan perlindungan jangka panjang yang mencukupi bagi kawasan tersebut.⁹⁹ Walaupun inventori flora dan fauna memang diperlukan tetapi NGO yang menentang keputusan itu mempunyai alasan berdasarkan sejarah perjuangan mereka mempertahankan Endau-Rompin di mana beberapa kawasan perlindungan telah dikeluarkan sepenuhnya atau sebahagian contohnya Rizab

Hidupan Liar Endau Kluang dan Santuari Hidupan Liar Segamat yang telah dibalok dan sebahagin besar santuari telah bertukar menjadi tanah pertanian.¹⁰⁰ Kawasan yang diwartakan sebagai taman negeri boleh dibatalkan (dinyahwarta) oleh kerajaan negeri pada bila-bila masa sedangkan taman negara yang dikhaskan di bawah Akta Taman Negera tidak boleh dibatalkan ‘melainkan dengan persetujuan menteri secara bertulis’.

Dalam sidang parlimen pada 1 Julai 1987, wakil Maran telah menyentuh tentang isu Endau-Rompin dengan menyatakan jika Endau-Rompin dijadikan taman negara, maka segala hasil negeri Pahang tidak dapat dikeluarkan sedangkan hasil tersebut (hasil hutan) merupakan sumber yang diperlukan untuk membangunkan Negeri Pahang. Beliau menyatakan adalah tidak adil untuk Pahang mempunyai dua taman negara selepas Taman Negara Pahang yang sedia ada dan mengesyorkan agar taman negara dibuat di negeri-negeri lain yang juga masih mempunyai banyak hutan.¹⁰¹

Pada tahun 2014, dilaporkan Kerajaan Negeri Pahang telah membalok kawasan seluas 3,000 hektar di dalam kawasan Hutan Simpan Kekal Lesong yang bersaiz seluas bandar Cyberjaya dengan jumlah kayu balak yang tidak terhitung banyaknya telah dibawa keluar dari hutan tersebut.¹⁰² Hutan Simpan Kekal Lesong merupakan sebahagian daripada Kompleks Endau-Rompin yang merangkumi kawasan cadangan Taman Negara Endau-Rompin yang kaya dengan hidupan liar yang mempunyai keluasan keseluruhan 52,464 hektar.¹⁰³ Kerisauan beberapa ENGO pada ketika itu terhadap keengganan Kerajaan Negeri Pahang dan Johor mewartakan wilayah hutan Endau-Rompin sebagai taman negara adalah berasas kerana kawasan yang diwartakan sebagai taman negeri bila-bila masa boleh dibalok atau dinyahwarta.

Peranan dan Strategi ENGO dalam Isu Deforestasi Endau-Rompin

Dalam kes Endau-Rompin, ia memperjelaskan tentang bidang kuasa yang dimiliki oleh kerajaan negeri dalam menguruskan hutan. Dalam Perkara 74 Perlembagaan Persekutuan, Jadual 9, Senarai 2, menyatakan bahawa segala hal ehwal dalam pentadbiran tanah adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri termasuklah kawasan hutan yang dikelaskan sebagai Hutan Simpan Kekal. Ini bermaksud, semua kawasan hutan meskipun yang telah diwartakan sebagai Hutan Simpan Kekal menggunakan Akta Perhutanan (Akta 313) adalah tidak dilindungi sepenuhnya daripada sebarang penerokaan dan pembangunan.

Selain itu, kontroversi Endau-Rompin ini juga telah memperlihatkan peranan ENGO dan kepentingan untuk bergabung ketika berhadapan dengan isu hutan yang sangat rumit selain menunjukkan bahawa masa depan alam sekitar dan ekologi tidak seharusnya diserahkan sepenuhnya untuk diputuskan dalam kalangan institusi politik. Kes Endau-Rompin membuktikan environmentalisme versi Barton yang disebut pada awal kajian ini bukanlah environmentalisme yang sebenar. Memberikan sepenuhnya kuasa kepada kerajaan dengan tertubuhnya Jabatan Perhutanan bukanlah suatu tidakan ‘menyelamatkan’ hutan malah, dalam keadaan tertentu ia lebih memperburukkan keadaan. Contohnya dalam konflik Endau-Rompin ini, watak Jabatan Hutan tidak muncul sama sekali. Ini kerana Jabatan Hutan tidak mempunyai kuasa untuk ‘menyelamatkan’ hutan. Menyelamatkan hutan bukan bermaksud hutan langsung tidak boleh disentuh tetapi apa yang perlu ialah, menyeimbangkan antara pemikiran ekosentrik dan teknosentrik. Hutan boleh digunakan tanpa merosakkannya pada skala yang meruntuhkan ekosistemnya. Di sinilah pentingnya peranan ENGO.

Pandangan Peter Dauvergne lebih tepat dengan membahagikan environmentalisme kepada empat kategori yang walaupun bertindih tetapi penting dalam peranannya yang tersendiri iaitu environmentalisme ilmiah (*scholarly environmentalism*), environmentalisme kerajaan (*government environmentalism*), environmentalisme bukan kerajaan (*non-governmental environmentalism*) dan

environmentalisme komersial (*commercial environmentalism*). Disebabkan kedudukan hutan pada masa ini telah 'terpisah' jauh dari kepentingan harian manusia secara langsung (kecuali Orang Asli) maka, penyertaan antara semua pihak iaitu kerajaan, ahli akademik, ENGO dan pihak komersial adalah perlu dalam melindungi alam sekitar (hutan) bagi memastikan hutan digunakan pada cara yang tidak merosakkan alam sekitar.

Gabungan antara MNS, SAM dan EPSM dalam kes Endau-Rompin telah membangkitkan semangat orang awam dan juga perlbagai pihak lain dan yang lebih penting pada ketika itu ialah bagaimana ENGO menarik perhatian akhbar-akhbar tempatan untuk melaporkan isu Endau-Rompin ini. Menggunakan surat khabar merupakan strategi yang paling berkesan kerana akhbar merupakan sumber utama berita rakyat pada masa itu. Pada awal kempen, WWF-Malaysia turut menyertai gabungan tetapi akhirnya menarik diri untuk mengelak kontroversi.¹⁰⁴ Pertentangan dalam strategi dan taktik dalam kalangan ENGO bukanlah perkara yang pelik kerana penubuhan setiap ENGO mempunyai motif dan keupayaan yang berbeza. Namun, apabila berlaku isu yang besar seperti apa yang terjadi kepada Endau-Rompin, setiap organisasi yang berbeza itu sedar akan kekuatan dan keperluan untuk bergabung terutamanya dalam isu perhutanan yang melibatkan konflik dengan kerajaan terutamanya kerajaan negeri. Apabila ENGO ini bergabung, strategi dapat diperkukuhkan dan idea dapat dicantum untuk memperkuatkan gabungan agar isu yang ingin diangkat didengar oleh pihak yang berkuasa dan disokong oleh masyarakat awam.

Peranan dan Strategi ENGO dalam kes Endau-Rompin

Isu deforestasi yang kompleks seperti pertikaian yang berlaku di Endau-Rompin telah menyebabkan ENGO terpaksa menggunakan beberapa taktik dan strategi dalam usaha untuk melindungi hutan. Antara strategi yang paling memberi impak yang besar ialah dengan membentuk gabungan antara beberapa ENGO. MNS yang mempunyai kekuatan dari segi organisasi dan kepakaran saintifik telah bergabung dengan beberapa ENGO lain terutamanya EPSM yang diketuai oleh Gurmit Singh yang terkenal sebagai environmentalis yang sangat lantang dan kontroversi¹⁰⁵ dan SAM yang diketuai oleh S.M. Mohamed Idris yang juga lantang dan dianggap sebagai pejuang alam sekitar sepanjang hayatnya.

Selain itu, ENGO juga telah mengadakan kerjasama dengan pihak media. Pada ketika krisis Endau-Rompin, akhbar merupakan sumber berita utama rakyat menyebabkan gabungan ENGO tersebut menggunakan akhbar utama Bahasa Inggeris New Straits Times untuk menyatakan bantahan terhadap pembalakan di kawasan Endau-Rompin kerana pada waktu itu gerakan konservasi didominasi oleh golongan elit berpelajaran tinggi.¹⁰⁶ Justeru, penggunaan akhbar berbahasa Inggeris dianggap lebih efektif dalam meningkatkan kesedaran dan sokongan awam. Liputan media yang meluas telah menyebabkan bahagian negara (Endau-Rompin) yang sebelum ini kurang dikenali semakin menjadi perhatian rakyat Malaysia.¹⁰⁷ Kerjasama dengan media menyebabkan gabungan ENGO ini juga perlu kepada maklumat dan informasi untuk disampaikan kepada masyarakat menyebabkan strategi penyelidikan dijadikan sebagai strategi yang sangat penting dan memberi impak yang besar terhadap imej MNS sebagai sebuah ENGO yang memperjuangkan nasib hutan. MNS sebagai ENGO yang besar dan awal ditubuhkan juga mempunyai kekuatan dari segi kepakaran ahlinya dalam penyelidikan saintifik kerana mendapat sokongan daripada Institut Penyelidikan Hutan (FRIM), Institut Penyelidikan Getah Malaysia, Universiti Malaya, Jabatan Muzium, dan Institut Penyelidikan Perubatan.¹⁰⁸ Para saintis dan pembantu masing-masing dari beberapa universiti dan institusi separa kerajaan telah menjalankan lebih daripada 80 projek mengenai ciri-ciri fizikal dan biologi kawasan hutan Endau-Rompin.¹⁰⁹ Melalui penyelidikan, masyarakat (termasuk pihak pentadbir) telah mendapat informasi berkenaan kepentingan menjaga alam sekitar, kepentingan menjaga spesies flora dan fauna,

impak deforestasi dan lain-lain.

Pemantauan dan tinjauan lokasi juga merupakan antara strategi yang telah dilakukan oleh ENGO dalam isu Endau-Rompin. ENGO sentiasa memantau perkembangan terkini yang berlaku terhadap kawasan hutan Endau-Rompin terutamanya aktiviti pembalakan. Contohnya, sebahagian ahli MNS bersama-sama pihak akhbar telah turun sendiri ke tapak pembalakan untuk mengetahui secara langsung tentang tahap dan kesan akibat aktiviti pembalakan yang dilakukan. Berdasarkan tinjauan ini, berita mengenai Endau-Rompin terpapar di muka depan beberapa akhbar tentang tahap kemusnahan akibat aktiviti pembalakan tersebut.¹¹⁰

Pada masa yang sama, gabungan ENGO ini juga telah melakukan beberapa rundingan seperti menghantar telegram kepada Perdana Menteri Tun Hussein Onn meminta agar diadakan pertemuan untuk membincangkan isu Endau-Rompin.¹¹¹ Walaupun telegram itu tidak mendapat jawapan dari Tun Hussain, tetapi ia merupakan suatu usaha untuk berunding dengan Kerajaan Persekutuan sebagai isyarat agar Kerajaan Persekutuan turut campur tangan dalam isu tersebut. MNS kemudian merayu organisasi antarabangsa seperti Kesatuan Konservasi Alam Semulajadi Antarabangsa (IUNC) menyebabkan IUCN merayu Perdana Menteri Tun Hussein Onn sehingga Tun Hussein bersetuju untuk bermesyuarat dengan 4 ENGO termasuk MNS, EPSM dan Persatuan Perhutanan Malaya.¹¹² Selain itu, antara strategi lain yang dilakukan oleh ENGO dalam isu Endau-Rompin pada masa itu ialah mengadakan kempen untuk menggerakkan kesedaran awam. Kempen ini telah menyebabkan jumlah keahlian MNS meningkat selain berjaya mengumpulkan lebih daripada 5500 tandatangan termasuk daripada ahli setiap cawangan MNS dalam petisyen bantahan yang dikemukakan kepada Kerajaan Negeri Pahang.¹¹³

Menurut Rusli Mohd dan Kenny Cheh Sonn Lee dalam artikel *Tactics of Environmental NGOs in Influencing Public Policy In Malaysia*, ENGO di Malaysia lebih menggunakan taktik seperti melakukan dan mengemukakan keputusan penyelidikan, mengemukakan pandangan peribadi, melobi dan menghubungi pegawai berbanding dengan taktik seperti kempen menulis surat telegram, melobi pihak akar umbi (*grassroots lobbying*), merangka undang-undang atau menganjurkan persidangan.¹¹⁴ MNS misalnya telah memainkan peranan aktif dalam menganjurkan ekspedisi ke kawasan hutan untuk melakukan kajian tentang flora dan fauna dengan tujuan agar hasil kajian dan ekspedisi tersebut dapat membantu mendidik orang ramai serta penggubal dasar tentang kekayaan dan kepelbagaian biologi negara yang perlu dipelihara.¹¹⁵ Selain Ekspedisi Warisan Endau-Rompin, MNS juga telah menganjurkan Ekspedisi Saintifik dan Warisan Belum pada tahun 1993 dan 1998, Ekspedisi ke Pantai Aceh, Pulau Pinang pada tahun 1999, Ekspedisi Saintifik dan Warisan Pulau Langkawi, 2003 dan Ekspedisi Saintifik Ulu Muda 2019. MNS juga menerbitkan jurnal berkala iaitu *The Malayan Nature Journal* (MNJ) yang diterbitkan sejak 1940-an hingga ke hari ini dengan terbitan terbaru pada September 2023 Vol. 75(3) dan juga majalah *Malaysian Naturalist*.

Fadzilah ketika membincangkan isu Endau Rompin dalam artikelnya *Malaysia: structure and agency of the environmental movement* menyatakan sebuah ENGO yang besar telah berkecuali daripada gabungan untuk menyelamatkan Endau-Rompin. Menurut Fadzilah, berdasarkan temu ramah yang dilakukannya, ENGO yang disebut sebagai X itu enggan bergabung kerana kepimpinan organisasi X terdiri daripada tokoh-tokoh masyarakat yang berbeza pandangan dengan ENGO lain yang ingin menentang kerajaan secara terbuka¹¹⁶ dalam isu Endau-Rompin. Bagi organisasi X, rundingan tertutup dengan pembuat keputusan (kerajaan negeri) boleh menjadi strategi yang sama berkesan. Dalam memoir Gurmit Sigh, ada disebut bahawa NGO yang menarik diri daripada kempen menyelamatkan Endau Rompin ialah WWF.¹¹⁷

Namun harus diingat juga bahawa hubungan yang konfrontasional antara ENGO dan kerajaan selalunya tidak bertahan lama dalam garis masa perjuangan masing-masing. Ia bergantung kepada siapa peneraju ENGO tersebut dan apakah dasar-dasar utama perjuangannya. MNS pada

ketika kontroversi Endau-Rompin berlangsung, diterajui oleh Mohd Khan Momin Khan sebagai president antara tahun 1975-1978 dan Tan Sri Dr. Salleh Mohd Nor sebagai presiden antara tahun 1978-2006. Tan Sri Dr. Salleh Mohd Nor sendiri dikenali sebagai seorang yang sangat lantang dan sering membuat kenyataan yang tegas terhadap isu pembalakan dan penggondolan hutan.¹¹⁸ Beliau juga pernah bertugas melakukan inventori hutan selama berbulan-bulan untuk tujuan pembangunan FELDA dan hal itu membuat beliau sangat terkesan dengan hasil pembangunan FELDA apabila terdapat segelintir pihak bertindak rakus dalam aktiviti penerokaan hutan.¹¹⁹

Selepas kontroversi Endau-Rompin, strategi menentang secara terbuka ENGO mula mengendur. MNS sebagai organisasi yang mapan, mempunyai bilangan kakitangan yang besar dan kebanyakan mereka mempunyai latar belakang penyelidikan yang kukuh menyebabkan mereka lebih menumpukan kepada penyelidikan saintifik. Begitu juga dengan WWF. Atas liabiliti yang dimiliki oleh mereka sebagai organisasi besar, kaedah menentang secara terbuka hanya akan memberikan impak yang negatif kepada organisasi. Oleh itu, kebanyakan ENGO akan menjalinkan hubungan kooperatif (kerjasama) dan kolaboratif (usaha sama) dengan kerajaan dalam mengetengahkan sesuatu isu.¹²⁰

Kesimpulan

Environmentalisme dalam konteks pemeliharaan hutan untuk mengelak deforestasi yang tidak terkawal, harus melibatkan semua pihak yang berkepentingan bermula daripada pemerintah (kerajaan negeri) yang mempunyai kuasa, ahli akademik, para saintis dan penyelidik, syarikat-syarikat korporat yang mempunyai kemampuan kewangan, ENGO dan paling penting ialah masyarakat setempat. Inilah bahagian yang paling sukar dalam menangani isu deforestasi kerana semua aspek ini sangat sukar digabungkan memandangkan tahap kesedaran segenap lapisan masyarakat tentang kepentingan memelihara kawasan hutan di negara ini masih berada pada tahap yang rendah akibat dasar kerajaan yang terlalu mementingkan aspek pembangunan ekonomi fizikal.

Keberkesanan tugas Jabatan Perhutanan adalah bergantung sepenuhnya kepada dasar dan tindakan kerajaan negeri. Sistem apa sekalipun yang diguna pakai, sama ada wujud atau tidak Jabatan Perhutanan, keputusan akhir ialah dalam pertimbangan kerajaan negeri. Begitu juga dengan ENGO yang membuat penyelidikan saintifik ke atas kawasan hutan dan hidupan liar, kajian-kajian tersebut tidak akan berguna jika hutan semakin hilang dan habitat tumbuhan dan hidupan liar habis dimusnahkan. ENGO meskipun bergerak atas kapasiti ingin melindungi alam sekitar, tetapi harus mempunyai etika dalam pengurusan dana sumbangan yang diterima, selain bertindak berdasarkan data dan fakta. Konfrontasi atau kooperatif, ENGO perlu bersatu dalam tujuan asalnya iaitu ingin memelihara kestabilan alam sekitar demi kepentingan masa depan negara.

Penghargaan

Kami ingin mengucapkan penghargaan kepada Fakulti Sastera dan Sains Sosial di atas sokongan terhadap penyelidikan ini. Terima kasih juga kepada pihak Universiti Malaya dan Muzium Pahang di bawah penyelidikan geran Sejarah Moden Pahang khususnya Sejarah Sosial Pahang (GA023D-2022) serta orang perseorangan sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menyempurnakan penyelidikan dan penerbitan artikel ini.

Nota

- ¹ Howat, G. M. D. (Eds.), *Dictionary of World History*, London, Thomas Nelson and Sons Ltd, 1973, hlm. 375.
- ² Vincent, Jeffrey R. dan Rozali Mohamed Ali, *Managing Natural Wealth: Environment and Development in Malaysia*, Institute of Southeast Asian Studies (ISEAS), Singapore, 2005, hlm. 8.
- ³ Sham Sani, *Environment and Development in Malaysia: Changing Concerns and Approaches*, ISIS Malaysia, Kuala Lumpur, 1993, hlm. 7.
- ⁴ Ibid., hlm. 7-8.
- ⁵ James C. Jackson, *Planters and Speculators: Chinese and European Agricultural Enterprise in Malaya 1786-1921*, University of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1968, hlm. xiii.
- ⁶ Ibid.
- ⁷ Ibid., hlm. xiv.
- ⁸ Ibid.
- ⁹ Ibid., hlm. 93.
- ¹⁰ Jeffrey R. Vincent dan Rozali Mohamed Ali, *Managing Natural Wealth: Environment and Development in Malaysia*, 2005, hlm. 8.
- ¹¹ Ibid.
- ¹² Ibid.
- ¹³ Richard P. Tucker, "Five Hundred Years of Tropical Forest Exploitation", dalam *Lessons of the Rainforest: Essay by Norman Myers, Randall Hayes, Frances Moore Lappe dan lain-lain*, Sierra Club Books, San Francisco, 1990, hlm. 39-52.
- ¹⁴ Ibid.
- ¹⁵ Jeffrey R. Vincent dan Rozali Mohamed Ali, *Managing Natural Wealth: Environment and Development in Malaysia*, 2005, hlm. 8.
- ¹⁶ Richard P. Tucker, "Five Years of Tropical Forest Exploitation", 1990, hlm. 39-52.
- ¹⁷ Ibid.
- ¹⁸ Ibid.
- ¹⁹ Ibid.
- ²⁰ Jomo K. S., Chang Y. T., dan Khoo K. J., *Deforesting Malaysia: The Political Economy and Social Ecology of Agricultural Expansion and Commercial Logging*, Zed Books, 2004, London & New York, hlm. xii.
- ²¹ Ibid.
- ²² Ibid., hlm. xii-xiii.
- ²³ Ibid., hlm. xiii.
- ²⁴ Jeyamalar Kathirithamby-Wells, *Nature and Nation: Forests and Development in Peninsular Malaysia*. Nordic Institute of Asian Studies, Singapore, 2005, hlm. 307.
- ²⁵ J. Geogrey Taylor, "The State of Malaysia's Environment", *Ambio*, Vol. 13, No. 4, 1984, hlm. 280-281.
- ²⁶ Gregory A. Barton, *Empire Forestry and Environmentalism*, Cambridge University Press, Cambridge, 2002, hlm. 1 dan 163.
- ²⁷ Kajian ini tidak akan menterjemahkan istilah *environmentalist* kerana menurut *Kamus Dewan*, *environmentalist* ditakrifkan sebagai pencinta alam sekitar dan ia tidak bertepatan untuk mewakili maksud *environmentalist* dalam konteks kajian ini.
- ²⁸ Gregory A. Barton, *Empire Forestry and Environmentalism*, 2002, hlm. 165.
- ²⁹ Joshy Mathey, "Colonial Exploitation of Forest Resources of the Western Ghats: 1792-1882", *Proceedings of the Indian History Congress*, Vol. 80, 2019, hlm. 591-599.
- ³⁰ Peter Dauvergne, *History Dictionary of Environmentalism*, Scarecrow Press, Inc., United States of America, 2009, hlm. xxi.

- ³¹ Khabirul Alam dan Ujjwal Kumar Halder, "A Pioneer of Environmental Movements in India: Bishnoi Movement", *Journal of Education & Development*, Vol-8, No.15, 2018, hlm 283-287.
- ³² Ibid.
- ³³ B. Perundevi, "Environmental Movements in India – A Historical Perspective", *JETIR*, Vol. 6, No. 5, 2019, hlm. 387-391.
- ³⁴ Jomo K. S., Chang Y. T., dan Khoo K. J., *Deforesting Malaysia: The Political Economy and Social Ecology of Agricultural Expansion and Commercial Logging*, 2004, hlm. 87.
- ³⁵ Penyata Tahunan Perhutanan Semenanjung Malaysia Tahun 1980.
- ³⁶ Fadzilah Majid Cooke dan Hezri Adnan, "Environmentalism In Malaysia: Movement Structure and Agency" dalam *The Routledge Handbook on the Environment in Southeast Asia*, Routledge, London, 2016, hlm. 403.
- ³⁷ CAP mempunyai bahagian alam sekitar yang membuat liputan tentang hutan dan pembalakan.
- ³⁸ S. Robert Aiken, "Struggling to Save Malaysia's Endau-Rompin Rain Forest, 1972-1992", *Environmental Conservation*, Vol. 20, 1993, hlm. 157 - 162.
- ³⁹ Yew Wei Lit dan Azmil Tayeb, "Malaysia's Green Movement: Old Continuities and New Possibilities", dalam *Illusions of Democracy*, Amsterdam University Press, 2019, hlm 289.
- ⁴⁰ Y. K. Leong, "The proposed Endau-Rompin National Park: the mass media and the evaluation of a controversy", dalam AMIC-NCDC-BHU Seminar on Media and Environment: Variansi, 27 Feb – 1 Mac 1989, Singapore, Asian Mass Communication Research and Information Centre, 1989, hlm. 2.
- ⁴¹ Ibid., hlm. 2-3.
- ⁴² Ibid, hlm. 3.
- ⁴³ Penyata Rasmi Parlimen, Jilid 1. Bil. 63, 9 Julai 1987, hlm. 10486.
- ⁴⁴ S. Robert Aiken, C. H. Leigh, T. R. Leinbach, dan M. R. Moss, *Development and environment in Peninsular Malaysia*, Singapore, McGraw-Hill Intl. Book Co. Singapore, 1982, hlm. 212.
- ⁴⁵ Penyata Rasmi Parlimen, Jilid 1. Bil. 63, 9 Julai 1987, hlm. 10486.
- ⁴⁶ Rodney W. Flynn dan Mohd. Tajuddin Abdullah, "Distribution and Status of Sumatran Rhinoceros in Peninsular Malaysia", *Biological Conservation*, No. 28, 1984, hlm. 253-273.
- ⁴⁷ The Business Times, "Call to halt the rape of Endau Rompin", 15 November 1977, hlm. 10.
- ⁴⁸ Rodney W. Flynn dan Mohd. Tajuddin Abdullah, "Distribution and Status of Sumatran Rhinoceros in Peninsular Malaysia", 1984, hlm. 253-273.
- ⁴⁹ Rizab ini ditubuhkan sempena minat arwah Sultan Johor iaitu Sultan Ibrahim yang begitu minat berburu. Lihat W. E. Steven, "The conservation of wildlife in West Malaysia, Seremban: Office of the Chief Game Warden", Federal Game Department, Ministry of Lands and Mines, 1968.
- ⁵⁰ S. Robert Aiken, "A Second National Park for Peninsular Malaysia? The Endau-Rompin Controversy", *Biological conservation*, 29, 1984, hlm. 253-276.
- ⁵¹ Abdul Rahman Ali, Forest Conservation in Malay, dalam *Conservation in Tropical South East Asia - Proceedings of the Conference on Conservation of Nature and Natural Resources in Tropical South East Asia - Bangkok, Thailand, November 29 - December 4, 1965*.
- ⁵² THIRD MALAYSIA PLAN, 1976 – 1980, hlm. 225.
- ⁵³ J. I. Furtado, Endau-Rompin National Park (a scientific case), dalam *Malaysia Scientific Association Annual Report 1976-77*, Kuala Lumpur, 1978, hlm. 33-36.
- ⁵⁴ Ibid., hlm. 10487-10488.
- ⁵⁵ S. Sothi Rachagan, "Sustainable Forest Management in Malaysia – Guidelines for Conflict Resolution, 1998", diakses dari laman sesawang Institute for Global Environmental Strategies (<http://www.iges.or.jp/en/fc/phase1/ir98-2-9.PDF>).
- ⁵⁶ Penyata Rasmi Parlimen, Jilid 1. Bil. 63, 9 Julai 1987, hlm. 10486.
- ⁵⁷ Penyata Rasmi Parlimen, Jilid 1. Bil. 63, 9 Julai 1987, hlm. 10486-10487.
- ⁵⁸ Anon, "Malaysia: face of green?", *Asiaweek*, 7 April 1976, hlm. 48.

- ⁵⁹ S. Robert Aiken, 1984, hlm. 321.
- ⁶⁰ S. Robert Aiken, "Struggling to Save Malaysia's Endau-Rompin Rain Forest, 1972-1992", 1993, hlm. 157 - 162.
- ⁶¹ S. Robert Aiken, 1984, "A Second National Park for Peninsular Malaysia? The Endau-Rompin Controversy", *Biological conservation*, hlm. 253-276.
- ⁶² Ibid.
- ⁶³ *New Straits Times*, 10 Mei 1977
- ⁶⁴ *New Straits Times*, 9 Mei 1977
- ⁶⁵ *New Straits Times*, 4 Julai 1977
- ⁶⁶ *New Straits Times*, 19 Mei 1977, *New Sunday Times*, 22 Mei 1977
- ⁶⁷ Y. K. Leong, "The proposed Endau-Rompin National Park: the mass media and the evaluation of a controversy", 1989, hlm. 8.
- ⁶⁸ Ibid.
- ⁶⁹ *New Straits Times*, 8 Ogos 1977.
- ⁷⁰ Penyata Rasmi Parlimen, 1 Julai 1987.
- ⁷¹ S. Robert Aiken, 1984, "A Second National Park for Peninsular Malaysia? The Endau-Rompin Controversy", *Biological conservation*, hlm. 253-276.
- ⁷² *New Straits Times*, 2 September 1977.
- ⁷³ *New Straits Times* 20 Aug. 1977; *National Echo*, 27 Aug. 1977, diterbitkan semula dalam 'Conservation at home', *Malayan Naturalist*, No.4, Vol. 1, 1977, hlm. 2.
- ⁷⁴ *The Straits Times*, "Endau Rompin: Team to see Mahathir", 8 September 1977 hlm. 11.
- ⁷⁵ *The Business Times*, "Call to halt the rape of Endau-Rompin", 15 November 1977, hlm. 10.
- ⁷⁶ Rudolf Schedenkel, ahli zoologi Switzerland dan pengerusi Survival Services Commission (Rhino Group IUCN yang melawat taman yang sedang terancam itu melaporkan bahawa kira-kira 10–20 ekor badak sumbu masih terselamat di kawasan di seberang tadahan air hulu Selai, Endau dan Rompin. 'Expert on Endau-Rompin massacre', *National Echo*, 30 Ogos 1977. Adalah dipercayai bahawa kelangsungan hidup badak sumbu telah terjejas oleh beberapa faktor terutamanya pembalakan yang berlarutan; kehilangan habitat utama dalam lukisan semula sempadan taman oleh kerajaan Johor; dan iklan kempen kehadiran badak sumbu yang akan memberi amaran kepada pemburu haram. D.R. Wells, komunikasi peribadi [Jeyamalar Kathirithamby-Wells, 2005. *Nature and Nation: Forests and Development in Peninsular Malaysia*. Singapore: Nordic Institute of Asian Studies, hlm.322].
- ⁷⁷ *New Straits Times*, "Race against time to save a treasure box teeming with wildlife", 28 Aug. 1977; 'Pahang to issue more logging licences', *New Straits Times*, 5 Sept. 1977.
- ⁷⁸ Jeyamalar Kathirithamby-Wells, *Nature and Nation: Forests and Development in Peninsular Malaysia*, 2005. hlm. 324.
- ⁷⁹ Ibid.
- ⁸⁰ Tun Mohamed Suffian Hashim, *An Introduction to the Constitution of Malaysia*, Kuala Lumpur: Govt. Printer, 1976, hlm. 16; Shafruddin, *The Federal Factor*, hlm. 308–312.
- ⁸¹ S. Robert Aiken, *Struggling to Save Malaysia's Endau-Rompin Rain Forest, 1972-1992*, *Environmental Conservation*, 1993, hlm. 157 - 162.
- ⁸² Ibid.
- ⁸³ *National Echo*, 30 Sept. 1977, dipetik dari *Malayan Naturalist*, 4, 2 (1978), hlm. 4
- ⁸⁴ *NST*, "A move to stop new logging in Pahang", 17 Nov. 1977, dipetik daripada Jeyamalar Kathirithamby-Wells, *Nature and Nation: Forests and Development in Peninsular Malaysia*. 2005, hlm. 324.
- ⁸⁵ S. Robert Aiken, "Struggling to Save Malaysia's Endau-Rompin Rain Forest, 1972-1992", *Environmental Conservation*, 1993, hlm. 157 - 162.
- ⁸⁶ Penyata Rasmi Parlimen, Jilid 1. Bil. 63, 9 Julai 1987, hlm. 10488.

- ⁸⁷ Penyata Rasmi Parlimen, Jilid 1. Bil. 63, 9 Julai 1987, hlm. 10487-10488.
- ⁸⁸ Fadzilah Majid Cooke dan Hezri Adnan, Malaysia: structure and agency of the environmental movement, *Routledge Handbook of the Environment in Southeast Asia*, 2016, hlm. 412.
- ⁸⁹ Henry. S. Barlow, The Malayan Nature Society/Star Endau Rompin Expedition, *JMBRAS*, Vol. 58, No. 2, 1985, hlm 135-142.
- ⁹⁰ Henry S. Barlow, The Malayan Nature Society/Star Endau- Rompin Expedition. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 58, 1985, hlm. 135—42; Kiew Bong Heang, Progress report on Endau-Rompin Expedition for the period June-November 1985, *Malayan Naturalist* (May), 1986, hlm. 3-7; Kiew Bong Heang, Assessment of the Endau-Rompin Expedition. *Malayan Naturalist* (November), 1986, hlm. 5-9; Kiew Bong Heang, Progress report on Endau-Rompin Expedition for the period Jun-November 1985, *Malayan Naturalist*, Vol. 39, No. 3&4, 1986, hlm. 3-7; Kiew Bong Heang, 'Assessment of the Endau-Rompin Expedition, 1985–1986', *Malayan Naturalist*, Vol. 40, No. 2, 1986, hlm. 5–9; Kiew Bong Heang, The Malaysian Heritage and Scientific Expedition Endau—Rompin: A Third World experience. *Wallaceana*, No. 47, 1987, hlm. 3-5; Kiew Bong Heang, G. W. H. Davidson, & R. Kiew, The Malaysian Heritage and Scientific Expedition: Endau-Rompin, 1985-1986, *Malayan Nature Journal*, 41, 1987, hlm. 83—92.
- ⁹¹ S. Robert Aiken, "Struggling to Save Malaysia's Endau-Rompin Rain Forest, 1972-1992", 1993, hlm. 158.
- ⁹² Ibid.
- ⁹³ Ibid.
- ⁹⁴ Penyata Rasmi Parlimen, 1 Julai 1987, hlm. 10488.
- ⁹⁵ *New Straits Times*, 11 Jun 1987; *New Straits Times*, 22 Jun 1987.
- ⁹⁶ Draf Laporan Akhir Rancangan Kawasan Khas Pembangunan Taman Negara Endau Rompin, Johor, Plan Malaysia.
- ⁹⁷ "Sumatran Rhinoceros in Endau-Rompin, Malaysia: Their Plight and Fate, Department of Wildlife and National Park/GEF-UNDP", Kuala Lumpur, 1996.
- ⁹⁸ Lihat Laman Sesawang Taman Negeri Rompin di <https://rompinpark.my/>.
- ⁹⁹ Nick Seaward, "The core of the matter", *Far Eastern Economic Review*, Vol. 137 (33), 1987, hlm.78-79.
- ¹⁰⁰ S. Robert Aiken, 1993.
- ¹⁰¹ Penyata Rasmi Parlimen, 1 Julai 1987, hlm. 9370-9371.
- ¹⁰² *The Star*, "Jungle the size of Cyberjaya logged", 25 September 2014; Sahabat Alam Malaysia (SAM), Plantation development in the Lesong Permanent Reserved Forest: Are we really practising sustainable forestry? 26 September 2014 diakses dari laman SAM <https://foe-malaysia.org/articles/plantation-development-in-the-lesong-permanent-reserved-forest-are-we-really-practising-sustainable-forestry/>.
- ¹⁰³ Roger Chan Wang Keng, "Environmental Rights in Malaysia: Evolution and Conceptualisation, Grappling with Climate Change and Other Pressing Environmental Issues and the Environmental Vision for Accountability", dalam *Rule of Law for Good Environmental Governance*, Konrad-Adenauer-Stiftung, Ltd, 2015, hlm. 42.
- ¹⁰⁴ Fadzilah Majid Cooke dan Hezri Adnan menyebut di dalam *Malaysia: Structure and agency of the environmental movemen* bahawa terdapat satu ENGO utama telah berkecuali daripada gabungan tersebut dengan merujuk ENGO berkenaan sebagai X kerana X dikatakan ingin mengelak kontroversi hinggakan turut enggan berkongsi maklumat dengan gabungan NGO pada waktu itu. Namun, Gurmit Singh dalam memoirnya menyebut WWF-Malaysia enggan untuk menyertai kempen membantah pembalakan di Endau-Rompin.
- ¹⁰⁵ Makmor Tumin dan Robi Nurhadi, "Sejarah dan Perkembangan Badan Bukan Kerajaan NGO di Malaysia", *Sejarah: Journal of the Department of History*, Vol. 15, No. 15, 2007, hlm. 171.
- ¹⁰⁶ S. M. Mohamed Idris, "National parks, environmental conservation and the public", *Malay Nature Journal*, No. 29, 1976, hlm. 233-236.
- ¹⁰⁷ S. Robert Aiken, "Struggling to Save Malaysia's Endau-Rompin Rain Forest, 1972-1992", 1993, hlm. 158.
- ¹⁰⁸ Mathieu Guerin, "Bridging British Malaya and Malaysia: The Malayan nature Society and Nature Conservation, 1940-1978", *Malayan Nature Journal, Special Edition*, 2017, hlm. 1-19.

- ¹⁰⁹S. Robert Aiken, "Struggling to Save Malaysia's Endau-Rompin Rain Forest, 1972-1992", 1993, hlm. 158.
- ¹¹⁰Y. K. Leong, "The proposed Endau-Rompin National Park: the mass media and the evaluation of a controversy", 1989, hlm. 8.
- ¹¹¹Gurmit Singh K.S., *Memoir of a Malaysian Eco-Activist*, Areca Books, Penang, 2017, hlm. 41.
- ¹¹²*New Straits Times*, 20 Ogos. 1977; *National Echo*, 27 Ogos 1977, diterbitkan semula dalam 'Conservation at home', *Malayan Naturalist*, Vol. 4, No. 1, 1977, hlm. 2.
- ¹¹³*New Straits Times*, 2 September 1977.
- ¹¹⁴Rusli Mohd dan Kenny Cheh Sonn Lee, "Tactics of Environmental NGOs in Influencing Public Policy in Malaysia", *Pertanika*, 7(2), 1999, hlm. 71-77.
- ¹¹⁵Ibid.
- ¹¹⁶Temu bual, Kuala Lumpur, 29 Mac 2013, dalam Fadzilah Majid Cooke dan Hezri Adnan, *Malaysia: structure and agency of the environmental movement*, Routledge Handbook of the Environment in Southeast Asia, 2016, hlm. 412.
- ¹¹⁷Gurmit Singh K.S., *Memoir of a Malaysian Eco-Activist*, Areca Books, 2017, hlm. 41.
- ¹¹⁸*New Straits Times*, Forest Guardian: Tan Sri Dr Salleh Mohd Nor leading the way in conservation! 22 November 2022.
- ¹¹⁹*MyMetro*, "Hutan rumah keduaku", 12 Ogos 2018.
- ¹²⁰Makmor Tumin dan Robi Nurhadi, "Sejarah dan Perkembangan Badan Bukan Kerajaan NGO di Malaysia", hlm. 171.

Rujukan

- Abdul Rahman Ali. 1965. "Forest Conservation in Malay, dalam Conservation in Tropical South East Asia," *Proceedings of the Conference on Conservation of Nature and Natural Resources in Tropical South East Asia - Bangkok, Thailand*, November 29 - December 4.
- Aiken, S. Robert, C. H. Leigh, T. R. Leinbach and M. R. Moss. 1982. *Development and environment in Peninsular Malaysia*. Singapore: McGraw-Hill International Book Company.
- Aiken, Robert S. 1984. "A Second National Park for Peninsular Malaysia? The Endau-Rompin Controversy," *Biological Conservation* 29, no. 3: 253-276.
- Aiken, Robert S. and Colin H. Leigh. 1985. "On the Declining Fauna of Peninsular Malaysia in the Post-Colonial Period," *AMBIO* 14, no. 1: 15-22.
- Aiken, Robert S. 1993. "Struggling to Save Malaysia's Endau-Rompin Rain Forest, 1972-1992," *Environmental Conservation* 20, no. 2: 157-162.
- "A move to stop new logging in Pahang," *New Straits Times*, 17 Nov. 1977.
- Barlow, Henry. S. 1985. "The Malayan Nature Society/Star Endau Rompin Expedition," *JMBRAS* 58, no. 2: 135-142.
- "Call to halt the rape of Endau Rompin," *New Business Times*, 15 Nov. 1977.
- Dauvergne, Peter. 2009. *Historical Dictionary of Environmentalism*. United States of America: Scarecrow Press.
- "Endau Rompin: Team to see Mahathir," *The Straits Times*, 8 Sept. 1977.
- Fadzilah Majid Cooke and Hezri Adnan. 2016. "Environmentalism in Malaysia: Movement Structure and Agency." In *The Routledge Handbook on the Environment in Southeast Asia*, edited by Philip Hirsch, 233-260. London: Routledge.
- Flynn, Rodney W. and Mohd. Tajuddin Abdullah. 1984. "Distribution and Status of Sumatran Rhinoceros in Peninsular Malaysia," *Biological Conservation* 28, no. 3: 253-273.
- "Forest Guardian: Tan Sri Dr Salleh Mohd Nor leading the way in conservation!," *New Straits Times*, 22 November 2022.

- Furtado, Jose I. 1978. "Endau-Rompin National Park (a scientific case)," in *Malaysian Scientific Association Annual Report 1976-77*, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Gregory A. Barton. 2007. *Empire Forestry and Environmentalism*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Guerin, Mathieu. 2017. "Bridging British Malaya and Malaysia: The Malayan nature Society and Nature Conservation, 1940-1978," *Malayan Nature Journal*, Special Edition: 1-19.
- Gurmit Singh K.S. 2017. *Memoir of a Malaysian Eco-Activist*. Penang, Malaysia: Areca Books.
- Heang, Kiew Bong. 1986. "Assessment of the Endau-Rompin Expedition, 1985-1986," *Malayan Naturalist* 40, no. 2:1-44.
- Heang, Kiew Bong, G. W. H. Davison and R. Kiew. 1987. "The Malaysian Heritage and Scientific Expedition: Endau-Rompin, 1985-1986," *Malayan Nature Journal* 41, no. 2&3: 83-92.
- Howat, G. M. D. (Eds.). 1973. *Dictionary of World History*. London: Thomas Nelson and Sons Ltd.
- "Hutan rumah kedua," *MyMetro*, 12 Ogos 2018.
- Jackson, James C. 1968. *Planters and Speculators: Chinese and European Agricultural Enterprise in Malaya 1786-1921*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Jungle the size of Cyberjaya logged, *The Star*, 25 September 2014.
- Kathirithamby-Wells, Jeyamalar. 2005. *Nature and Nation: Forests and Development in Peninsular Malaysia*. Singapore: Nordic Institute of Asian Studies. 2005.
- Khabirul Alam and Ujjwal Kumar Halder. 2018. "A Pioneer of Environmental Movements in India: Bishnoi Movement," *Journal of Education & Development* 8, no.15: 283-287.
- K. S., Jomo, Chang Y. T., Khoo K. J. 2004. *Deforesting Malaysia: The Political Economy and Social Ecology of Agricultural Expansion and Commercial Logging*. London & New York: Zed Books.
- Leong, Y. K. 1989. "The proposed Endau-Rompin National Park: the mass media and the evaluation of a controversy," in AMIC-NCDC-BHU Seminar on Media and Environment: Variansi, 27 Feb - 1 Mac 1989, Singapore, Asian Mass Communication Research and Information Centre.
- Lit, Yew Wei dan Azmil Tayeb. 2019. "Malaysia's Green Movement: Old Continuities and New Possibilities." In *Illusions of Democracy*, edited by Sophie Lemièrè. Amsterdam University Press.
- Makmor Tumin dan Robi Nurhadi. 2007. "Sejarah dan Perkembangan Badan Bukan Kerajaan NGO di Malaysia," *Sejarah: Journal of the Department of History* 15, no. 15: 171.
- "Malaysia: face of green?," *Asianweek*, 7 April 1976.
- Mathey, Joshy. 2019. "Colonial Exploitation of Forest Resources of the Western Ghats: 1792-1882," *Proceedings of the Indian History Congress*, 80: 591-599.
- Mohamed Suffian Hashim. 1976. *An Introduction to the Constitution of Malaysia*. Kuala Lumpur: Government Printer.
- New Straits Times*, 9 Mei 1977
- New Straits Times*, 10 Mei 1977
- New Sunday Times*, 22 Mei 1977
- New Straits Times*, 11 Jun 1987.
- New Straits Times*, 22 Jun 1987.
- New Straits Times*, 8 August 1977.
- New Straits Times* 20 August 1977.
- New Straits Times*, 2 September 1977.
- "Pahang to issue more logging licences," *New Straits Times*, 5 Sept. 1977.
- Penyata Rasmi Parlimen, 1 Julai 1987.
- Penyata Rasmi Parlimen, Jilid 1. Bil. 63, 9 Julai 1987.

- Penyata Tahunan Perhutanan Semenanjung Malaysia Tahun 1980.
- Peta Sumber Hutan Semenanjung Malaysia (Inventori Hutan Nasional Kelima), 2012, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia.
- Perundevi, B. 2019. "Environmental Movements in India – A Historical Perspective," *JETIR* 6, no. 5: 387-391.
- "Race against time to save a treasure box teeming with wildlife," *New Straits Times*, 28 Aug. 1977.
- Rachagan, S. Sothi. 1998. "Sustainable Forest Management in Malaysia – Guidelines for Conflict Resolution, 1998," *Institute for Global Environmental Strategies*. (<http://www.iges.or.jp/en/fc/phase1/ir98-2-9.PDF>)
- Sahabat Alam Malaysia (SAM). 2014. "Plantation development in the Lesong Permanent Reserved Forest: Are we really practising sustainable forestry?." <https://foe-malaysia.org/articles/plantation-development-in-the-lesong-permanent-reserved-forest-are-we-really-practising-sustainable-forestry/>
- Seaward, Nick. 1987. "The core of the matter," *Far Eastern Economic Review* 137, no. 33: 78-79.
- Sham Sani. 1993. *Environment and Development in Malaysia: Changing Concerns and Approaches*. Kuala Lumpur: ISIS Malaysia.
- S. M. Mohamed Idris. 1976. "National parks, environmental conservation and the public," *Malay Nature Journal* 29, no. 4: 233-236.
- Taylor, J. Geoffrey. 1984. "The State of Malaysia's Environment," *AMBIO* 13, no. 4:280-281.
- Third Malaysia Plan, 1976 – 1980.
- Tucker, Richard P.. 1990. "Five Hundred Years of Tropical Forest Exploitation." In *Lessons of the Rainforest: Essay by Norman Myers etc.*, edited by Suzanne Head and Robert Heinzman. San Francisco: Sierra Club Books.
- Vincent, Jeffrey R. and Rozali Mohamed Ali. 2005. *Managing Natural Wealth: Environment and Development in Malaysia*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies (ISEAS).
- Wang Keng, Roger Chan. 2015. "Environmental Rights In Malaysia: Evolution and Conceptualisation, Grappling With Climate Change and Other Pressing Environmental Issues and the Environmental Vision For Accountability." In *Rule of Law for Good Environmental Governance*, edited by Jorg Menzel, 34-48. Singapore: Konrad-Adenauer-Stiftung, Ltd. (KAS).